

Nur Shafiqah pertahan mahkota seni tunggal puteri

Berita Harian, 4 April 2011, Page 15

Article also available on Microfilm Reel NL31310

Printer-Friendly Page

Nur Shafiqah pertahan mahkota seni tunggal puteri

Berazam mahu wakili negara ke Sukan SEA di Indonesia

SILAT

Oleh : **SAPARIN RASIKIN** saparin@sph.com.sg

NUR Shafiqah Sheikh Alauddin meneruskan langkah cemerlang dengan mengekalkan mahkota seni tunggal puteri Kejohanan Pencak Silat Pengajian Tinggi di Pusat Kecemerlangan Silat kelmarin.

Bagaimanapun, penuntut tahun kedua Universiti Teknologi Auckland (AUT) yang berpusat di Sekolah Sukan Singapu-

ra itu menghadapi saingan sengit daripada pesilat Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Mainisah Buang, yang merupakan finalis tahun lalu.

Shafiqah, 18 tahun, yang lebih gemar bertanding dalam acara regu, memungut 438 mata – hanya satu mata mengatasi Mainisah – dan Nur Rasyidah Imran dari Politeknik Temasek di tempat ketiga dengan 429 mata.

“Saya bersyukur memenangi pingat emas acara tunggal ini buat kali kedua berturut-turut dan latihan keras selama ini berbaloi,” kata Shafiqah, yang dipilih

sebagai Pesilat Wanita Terbaik dalam kejohanan yang lalu.

“Tetapi matlamat saya ialah mewakili memenuhi harapan itu.”

Sebelum pemilihan ke Sukan SEA, Shafiqah, yang turut menyertai kategori tanding, berharap mendapat tempat dalam pemilihan skuad negara ke Kejohanan Asia bulan ini.

“Kejohanan Asia merupakan medan bagi mengukur kemampuan saya kerana difahamkan para pesilat handalan rantau ini dijangka mengambil bahagian.”

Ditanya sama ada beliau berasakan sebarang tekanan memandangkan ayahnya, Sheikh Alauddin Yacoob, merupakan Ketua Pengarah Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Shafiqah berkata:

“Ada, sedikit. Tetapi saya tidak mahu menikirkannya. Sebaliknya, saya fokus kepada persembahan saya agar dapat menunjukkan prestasi yang terbaik.

“Oleh itu, orang ramai dapat menilai berdasarkan prestasi saya dan bukan mengaitkan saya dengan ayah saya.”

negara dalam Sukan SEA di Indonesia (November ini) dan sedar saya perlu terus bekerja keras bagi

Selain daripada kejayaan dalam kategori seni, Shafiqah juga melayakkan diri ke final kategori tanding kelas C lewat semalam.

Sementara itu, Muhd Hafiz Muhd Azhar, dari UniSIM mencatatkan kejutan dengan menewaskan pesilat nasional, Muhd Iqbal Abdul Rahman, dari Instituti Pendidikan Teknikal (ITE) untuk dinobatkan sebagai juara tunggal putera.

Hafiz, bekas pesilat seni nasional, memungut 454 mata, berbanding Iqbal, juara Kejohanan Sijori baru-baru ini, yang tercibir empat mata.

Pemenang ketiga ialah Alif Mateen Muhd Taufik dari Politeknik Temasek yang memungut 439 mata.

Keputusan lain:

Ganda putera: 1. Muhd Zulfikar Zubir dan Muhd Hilmi Abdul Hamid (TP) 544 mata; 2. Mohd Syahir Agus dan Muhd Zulfadli Kamsani (NYP) 536 mata; 3. Muhd Hafiz Abdul Malik dan Muhd Nur Firdaus Zulkifli (RP) 534 mata.

Regu putera: 1. Ibnu Qayyum Amir, Ahmad Kafee Azman dan Ahmad Kamal Azman (ITE) 423 mata; 2. Ahmad Syazwan Amran, Muhd Salihin Zainal dan Muhd Ridhwan Selamat (ITE) 445 mata; 3. Muhd Aniq Sharhan Shariff, Muhd Adib Sharhan Shariff dan Muhd Nurruddin Mazlan (TP) 433 mata.

Ganda puteri: 1. Nur Falina Samsuri dan Filza Syahirah Daud (NUS) 550 mata; 2. Nailul Farah Mohd Masbur dan Nurdiana Irmajaya (SMU) 543 mata; 3. Nurul Hidaratun Nessa Mohd Fazul Haque dan Atiq Isnarti Roslan (NYP) 537 mata.

Regu puteri: 1. Nurhida Sapiie, Nur Asyikin Naser dan Maimanah Mansor (NTU) 434 mata; 2. Nur Syakura Rosely, Nur Dina Amalina Sahfuddin dan Nuratiqah Talib (NP) 434 mata; 3. Farah Ahmad Osman, Suhaila Samsi dan Nur Nida Amalina Yusni (RP) 4.30 mata.

“Saya bersyukur memenangi pingat emas acara tunggal ini buat kali kedua berturut-turut dan latihan keras selama ini berbaloi. Tetapi matlamat saya ialah mewakili negara dalam Sukan SEA di Indonesia (November ini) dan sedar saya perlu terus bekerja keras bagi memenuhi harapan itu.
— Nur Shafiqah.

SILAT

Nur Si



NUR Shafiqah menegaskan mengekalkan mahkota seni tunggal puteri Kejohanan Tinggi di kelmarin. Bagaimanapun, Universiti Teknologi yang berpusat di Temasek dan Singapura itu telah mencatatkan kejayaan. “Tetapi misi saya persembahkan negara ini sebagai pemenang. Tetapi misi saya persembahkan negara ini sebagai pemenang.”

NUR SHAFIQA SHEIK ALAUDDIN: Berusaha keras untuk membuktikan kemampuan dan prestasi terbaiknya. — Foto KHALID BABA